

Headline **Ahmad taja akhbar Utusan Malaysia untuk 25 sekolah di Pontian**  
Date **05 May 2011**  
MediaTitle **Utusan Malaysia**  
Section **Dlm Negeri**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**  
Page No **23**  
Article Size **357 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **7,056**  
PRValue **21,168**



## Ahmad taja akhbar *Utusan Malaysia* untuk 25 sekolah di Pontian

PONTIAN 4 Mei - Ahli Parlimen Pontian, Datuk Ahmad Maslan menaja sebanyak 13,120 naskhah akhbar *Utusan Malaysia* bernilai RM15,750 untuk diagihkan kepada 25 buah sekolah di daerah ini bagi tempoh setahun.

Dengan sumbangan itu, setiap sekolah terpilih akan mendapat 18 naskhah akhbar *Utusan Malaysia* terbitan setiap Rabu yang memuatkan sisipan Akhbar Dalam Pembelajaran (ADaP).

Ahmad yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata, sumbangan itu melibatkan 18 buah sekolah rendah dan tujuh sekolah menengah.

Kataya, beliau menaja akhbar tersebut setelah mendapati terdapat sisipan ADaP yang memuatkan bahan rujukan bagi pelajar Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Sisipan itu boleh membantu penguasaan para pelajar dalam menghadapi peperiksaan berkenaan," katanya pada majlis penyerahan akhbar berkenaan di Sekolah Kebangsaan Seri Al-Ulum (SKSAU), Parit Marjunid, dekat sini hari ini.

Hadir sama Pengurus Kanan Edaran Utusan Melayu (M) Berhad, Hasmadi Hassan dan Guru Besar SK-

SAU, Mohd. Seruan Osman.

Ahmad menyeru para pelajar dan guru-guru yang menerima tajaan itu memanfaatkan sebaik mungkin il-

mu dan bahan rujukan yang disiarkan dalam akhbar tersebut.

Terdahulu pada majlis yang sama Ahmad melancarkan Program 100 Peratus Warga Sekolah Menabung dalam Tabung Haji yang turut dihadiri oleh Pengurus Tabung Haji

Johor, Ismail Hashim.

Sementara itu, Hasmadi memberitahu, kesan penambahbaikan loji *Utusan Melayu* Tebrau pada 19 Mac lalu telah menampakkan kesan besar apabila jumlah edaran harian termasuk langganan dan tajaan me-

ningkat dengan banyak.

Beliau berkata, berdasarkan perangkaan di seluruh negara, Johor ketika ini telah menduduki tangga pertama dan diikuti Perak dari segi peningkatan jumlah edaran harian *Utusan Malaysia* sama ada dari segi lang-

ganan atau tajaan.

Hasmadi berkata, kesan daripada promosi di sekolah-sekolah pada tahun ini, pihaknya berjaya mendapat langganan dan tajaan 12,000 naskhah sehari bagi akhbar terbitan Rabu yang melibatkan 1,100 sekolah.



AHMAD Maslan bersama para pelajar dan pengetua sekolah pada Majlis Penajaan *Utusan Malaysia* di Pontian, Johor, semalam.